




Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERAK

Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Bagi tempoh 1 September 2023 hingga 20 Ogos 2024, sebanyak dua LKAN bagi Negeri Perak telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI NEGERI PERAK
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI BAGI TEMP OH
1 SEPTEMBER 2023 HINGGA 20 OGOS 2024

BIL.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2022	1 Disember 2023
2.	Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak	9 Julai 2024

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak telah bersidang sebanyak enam kali bagi tempoh bulan September 2023 hingga 20 Ogos 2024. Sebanyak lima mesyuarat membincangkan isu-isu berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PERAK SEHINGGA 20 OGOS 2024

BIL.	BIL. MESYUARAT / TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	Bil.4 Tahun 2023 15 September 2023	Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar
2.	Bil. 1 Tahun 2024 4 April 2024	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Pembentangan Tapak Cadangan Lapangan Terbang Baharu di Seri Iskandar
3.	Bil. 2 Tahun 2024 9 Mei 2024	-	Perbincangan Isu Yang Belum Selesai Dalam AG Dashboard
4.	Bil. 3 Tahun 2024 13 Jun 2024	-	Perbincangan Maklum balas Daripada Jabatan/Ageni Bagi Isu Belum Selesai Dalam AG Dashboard
5.	Bil. 4 Tahun 2024 18 Julai 2024	Unit Perancang Ekonomi Negeri Jabatan Kerja Raya Jabatan Pengairan dan Saliran Pejabat Daerah dan Tanah Manjung Majlis Perbandaran Manjung	Pengurusan Projek Pembangunan Semula Perkampungan Nelayan Pulau Pangkor dan Lumut
6.	Bil. 5 Tahun 2024 8 Ogos 2024	Unit Perancang Ekonomi Negeri	Sesi Pembentangan Unit Perancang Ekonomi berkaitan Laporan Ketua Audit Negara - Pengurusan Projek Pembangunan Semula Perkampungan Nelayan Pulau Pangkor dan Lumut

Sumber: Jabatan Audit Negara